

R GB 18-02 00165 BH449

bah

Mahathir - Lembah

TASIK KENYIR (HULU TERENGGANU), 18 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa tidak puashati terhadap kelembapan pelaksanaan projek pembangunan kawasan Tasik Kenyir yang berpotensi untuk industri pelancongan.

Perdana Menteri berkata bahawa empat tahun lepas beliau sudahpun mengarahkan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) supaya menjalankan kerja-kerja mencabut pokok-pokok kayu yang masih kedapatan di dalam tasik itu.

+Malangnya, sehingga tahun lepas, peruntukan yang kerajaan sediakan langsung tidak dibelanjakan,+ katanya kepada para pemberita ketika ditanya mengenai hasil lawatan beliau selama lebih tiga jam di tasik itu.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan dua hari ke negeri ini, berkata sekiranya projek itu yang bertujuan antara lain untuk memudahkan perjalanan para pelancong ke sekitar kawasan tasik itu disiapkan, tentunya keuntungan yang besar sudah boleh dikecapi.

+Sebab itulah, amat penting sekali apabila kerajaan menyediakan sebarang peruntukan, projek-projek yang dirancangkan itu perlu dilaksanakan dengan segera,+ katanya. -- Lagi

♥18/02/19-02MST

R GB 18-02 00165 BH450

bah

Mahathir - Lembab 2 Tasik Kenyir

Sehubungan itu, katanya, beliau telah mengarahkan Tenaga Nasional Berhad supaya mengambil alih projek mencabut pokok-pokok yang masih kedapatan di dalam tasik itu, yang peruntutannya akan disediakan sendiri oleh Tenaga Nasional.

Mengenai PMINT pula, Perdana Menteri berkata perbadanan itu akan memulakan projek pembinaan pelbagai kemudahan asas termasuk tempat-tempat penginapan dan persinggahan serta restoran di kawasan tasik itu.

+Kawasan yang dikenal pasti, iaitu di Pulau Lasir dan Pulau Pertang, akan menjadi kawasan peranginan yang berpotensi menarik beribu-ribu pelancong dari dalam dan luar negeri,+ katanya.

Perdana Menteri juga yakin apabila projek berkenaan siap sepenuhnya, ia juga berupaya menarik pelaburan dari dalam dan luar negeri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bagi memastikan kedua-kedua projek berkenaan (projek mencabut pokok oleh Tenaga Nasional dan pembinaan prasarana oleh PMINT) siap pada jangka masa yang ditetapkan, beliau mengarahkan Tenaga Nasional dan PMINT supaya menyediakan laporan hulanah yang kemaskini mengenai kemajuan projek tersebut. -- Lagi

♥18/02/19-03MST

bah

Mahathir - Lembab 3 Tasik Kenyir

Ketika berehat dan menikmati jamuan makan tengah hari di kawasan Air Terjun Lasir, Perdana Menteri telah secara spontan melukis dua lakaran untuk dijadikan contoh kepada pihak Tenaga Nasional dan PMINT menjalankan projek yang tidak menggunakan perbelanjaan yang besar.

Semasa diminta penjelasannya mengenai lakaran itu, beliau berkata lakaran pertama adalah mengenai cara-cara membuat jeti yang selamat digunakan serta menggunakan perbelanjaan yang murah dan lakaran kedua ialah mengenai bagaimana cara nak mencabut pokok-pokok yang masih ada di dalam tasik berkenaan yang hanya menggunakan kerek saja, dengan belanja yang murah.

Sempena lawatan itu, Datuk Seri Dr Mahathir juga melawat Projek Perintis Ternakan Ikan Dalam Sangkar di Pulau Kuala Lasir dan melepaskan 1,000 ekor anak ikan tilapia merah ke dalam sangkar.

Sebelum itu, beliau juga mendengar taklimat mengenai pembangunan di Tasik Kenyir di pejabat Tenaga Nasional yang disampaikan oleh Pengurus Besar PMINT, Datuk Haji Abdul Aziz Ibrahim.

Yang turut serta pada lawatan itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor dan timbalannya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman serta Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Haji Tengku Mahmud Mansor. -- Bernama

♥18/02/19-03MST